

**ANALISIS KEPERLUAN UNTUK MEMBANGUNKAN MODEL  
PEMULIHAN HOLISTIK TERHADAP KOMUNITI LESBIAN,  
GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER (LGBT)  
DI MALAYSIA**

**Analysis of the Need to Develop a Holistic Rehabilitation Model for the  
Lesbian Community, Gay, Bisexual and  
Transgender (LGBT) in Malaysia**

NOOR HAFIZAH MOHD HARIDI  
Jabatan Dakwah dan Usuluddin, FPPI  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
[Noorhafizah@kuis.edu.my](mailto:Noorhafizah@kuis.edu.my)

AHMAD MUNAWAR ISMAIL  
Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
[munawar@ukm.edu.my](mailto:munawar@ukm.edu.my)

KHAIRUL HAMIMAH MOHAMMAD JODI  
Kluster Pendidikan & Sains Sosial  
Open University Malaysia  
[khairul\\_hamimah@oum.edu.my](mailto:khairul_hamimah@oum.edu.my)

SITI SOLEHAH MAT ALEH  
[AnnurSolehah03@gmail.com](mailto:AnnurSolehah03@gmail.com)

**Abstrak**

Analisis keperluan penting dalam membangunkan sesuatu produk bagi memastikan produk yang dibina dapat memenuhi keperluan pengguna. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis keperluan membangunkan model pemulihan holistik dalam kalangan komuniti (LGBT) di Malaysia. Kaedah pendekatan *Design & Development Research* (DDR) telah digunakan dalam kajian ini. Melalui fasa analisis keperluan temubual secara tidak berstruktur iaitu secara soalan terbuka (*open-ended Question*) kepada 5 orang responden yang dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi mendapatkan pandangan mereka tentang keperluan kepada pembinaan model pemulihan holistik dalam skop komuniti LGBT. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kesepakatan pakar dalam membangunkan model pemulihan holistik terhadap komuniti LGBT di Malaysia. Berdasarkan dapatan ini fasa seterusnya akan dilaksanakan bagi membangunkan model pemulihan holistik terhadap komuniti LGBT di Malaysia.

Kata kunci: Membangunkan, Model Pemulihan Holistik, LGBT

## Abstract

Analysis of the important requirements in developing a product to ensure that constructed products meet the needs of consumers. This study was conducted to analyze the need to develop a holistic rehabilitation model among the Communities (LGBTs) in Malaysia. The Design & Development Research Approach (DDR) method has been used in this study. Through the analysis phase the need for an unstructured interview that is an (open-ended question) to 5 respondents selected by (purposive sampling) to get their views on the need to build a holistic rehabilitation model in the scope of the LGBT community. The findings show that there is an expert agreement in developing a holistic rehabilitation model on the LGBT community in Malaysia. Based on the findings, the next phase will be implemented to develop a holistic rehabilitation model on the LGBT community in Malaysia.

Keywords: Develop, Holistic Rehabilitation Model, LGBT

### 1.0 PENDAHULUAN LGBT

Peringkat awal kewujudan golongan LGBT di Malaysia bermula dengan kewujudan pondan dan mak nyah sekitar tahun 1980-an (Mahfudzah Mohamad, 2015) dan istilahnya digunakan pada tahun 90-an (Noor Hafizah Haridi, et.al, 2016). Malaysia menggelarkan lelaki gay sebagai pondan, Thailand pula menggelar remaja gay dan lesbian sebagai Tom-dee, manakala lelaki homoseksual sebagai 'Tuy' (Megan Sinnott, 2000). Isu LGBT pernah menjadi utama di dada akhbar pada tahun 2011 (Mohamad Yusof Helmy Ramli, Rani Ann Balaraman, Mohamad Saifudin Mohamad Saleh, 2017) dan masih menjadi perbincangan sehingga kini. Contohnya perhimpunan hari wanita sedunia pada 8 Mac 2019 disertai sekumpulan komuniti penyokong lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang menyuarakan hak kebebasan asasi mereka (Astro Awani, 2019). Secara umumnya, kegiatan mereka mempunyai kaitan dengan keinginan manusia untuk merubah fitrah asal kejadian mereka kepada personaliti yang bertentangan iaitu mempunyai kecenderungan seksual terhadap jantina yang sama (gay dan lesbian), kecenderungan seksual terhadap lelaki dan wanita (Biseksual) atau berkeinginan mengubah jantina melalui pembedahan.

Bahagian Penyelarasan Undang-undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia menjelaskan statistik jenayah di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2011 - 2014 menunjukkan kesalahan lelaki menyerupai wanita merupakan kesalahan yang sering dilakukan berbanding *Musahaqah* dan liwat. Kesan daripada kegiatan ini mampu membawa kepada penyakit HIV/AIDS (Debbi Goh, 2008) dan masalah sosial yang lain.

LGBT merupakan satu penyakit, perlu dilarang secara perundangan bahkan dirawat (Jeanete Ophilia Papiaya, 2016) kerana aktiviti mereka sama seperti zina dan pelacuran. Ini dijelaskan oleh hadis yang bermaksud: "Tidaklah seorang wanita itu bersedap-sedapan dengan seorang wanita melainkan mereka adalah berzina, dan tidaklah seorang lelaki bersedap-sedapan dengan seorang lelaki melainkan mereka juga (sedang) berzina." (al-Tabarani, no 4157). kumpulan LGBT ini jika tidak ditangani secara serius akan memberikan impak dan cabaran terhadap Islam dalam aspek maqasid al-syariah iaitu memelihara agama, akal, jiwa, keturunan dan harta.

Berdasarkan perbincangan di atas, artikel ini ditulis bertujuan untuk mengenal pasti keperluan untuk membangunkan model pemulihan holistik terhadap komuniti LGBT. Artikel ini penting bagi menyumbang kepada usaha-usaha pemulihan LGBT oleh pihak kerajaan

mahupun bukan kerajaan. Kumpulan LGBT merupakan komuniti yang perlu dibantu dalam proses pemulihan. Justeru, model pemulihan holistik terhadap kumpulan LGBT perlu dibangunkan untuk membantu individu yang terlibat dalam gejala songsang ini kembali hidup mengikut cara hidup Islam dan kembali kepada fitrah.

## **2.0 PENGENALAN LGBT**

LGBT adalah akronim yang merujuk kepada lesbian, gay, biseksual dan transgender. Aktiviti LGBT merupakan satu fenomena yang membabitkan emosi seksual terhadap sesama jantina sebagaimana yang dijelaskan oleh Feldman (1994). Bagaimanapun melihat pada pandangan Kendall & Hammen (1997) homoseksual bukan saja melibatkan perlakuan seksual tetapi berkaitan dengan keinginan dan kecenderungan seseorang individu secara psikologi, emosional dan sosial terhadap individu sejenisnya. Golongan LGBT berani melanggar hukum syarak dengan menukar kejadian jantina asal yang dicipta oleh Allah SWT. Melalui sains dan teknologi, mereka berupaya merubah keadaan fizikal mereka daripada lelaki ke perempuan atau sebaliknya tanpa memikirkan kesan-kesan yang akan berlaku terhadap diri mereka, keluarga, masyarakat, agama dan kesihatan diri.

LGBT juga boleh dikategorikan sebagai penyakit psikitari atas faktor kecelaruan pemikiran yang dihadapi. Penyakit ini juga tidak terhad kepada gender semata-mata tetapi turut merangkumi beberapa aspek lain seperti warna kulit, usia dan lain-lain. Dalam masyarakat Barat seperti di Amerika Syarikat, golongan LGBT masih dianggap oleh sesetengah kelompok masyarakat sebagai golongan tidak bermoral, tidak suci atau tidak berfungsi (Jonathan Ned Katz, 1992). Sehingga tahun 1973, golongan LGBT disifatkan sebagai golongan yang mempunyai penyakit mental yang diwartakan dalam Manual Diagnostik dan Statistik Gangguan Mental (DSM) oleh Persatuan Psikiatri Amerika (American Psychiatric Association, 2021).

LGBT telah lama wujud dalam pengetahuan umat Islam pada ribuan tahun yang lalu tetapi dimusnahkan Allah SWT lantaran kemungkaran yang dilakukan oleh mereka yang menjalani kehidupan yang bertentangan dengan fitrah. Melalui Al-quran, Allah SWT telah menceritakan kewujudan kumpulan manusia dalam kisah kaum Nabi Lut A.S iaitu kaum Sodom yang akhirnya membawa kepada kemusnahan seluruh kaum akibat orientasi seks songsang mereka. Ini seperti mana yang disebut oleh Imam al-Qurtubi yang menukikan riwayat daripada Ibn Abbas R.A berkenaan maksiat yang mereka lakukan iaitu melakukan perbuatan syirik kepada Allah SWT yang disebut sebagai perlakuan homoseksual dalam kalangan lelaki mahupun wanita. (Qurtubi, 1967).

Lantaran itu, Allah SWT menjadikan kisah binasanya kaum Luth akibat perbuatan keji mereka sebagai pengajaran bagi seluruh manusia. Kisah mereka disebut dalam beberapa tempat dalam al-Qur'an antaranya melalui Surat al-A'raf ayat 80-84 yang bermaksud:

“Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas". Dan tidak ada jawab dari kaumnya selain daripada berkata: "Usirlah mereka (Nabi Lut dan pengikut-pengikutnya yang taat) dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang (mendakwa) mensucikan diri". Maka Kami selamatkan dia dan keluarganya (serta pengikut-pengikutnya) melainkan isterinya, adalah ia dari orang-orang yang dibinasakan. Kami telah menghujani mereka dengan hujan (batu yang

membinasakan). Oleh itu, lihatlah, bagaimana akibat orang-orang yang melakukan kesalahan”.

Gerakan LGBT bermula di Amerika Syarikat yang memperjuangkan falsafah kebebasan, persamaan hak dan hormat-menghormati sehingga akhirnya gerakan kelompok minoriti tersebut diterima oleh masyarakat dunia pada hari ini. Sehingga abad ke-19, aktiviti seksual sesama lelaki telah disebut dalam teks Anglo-Amerika di bawah syarat tindakan luar biasa, jenayah terhadap alam semula jadi, liwat atau buggery. Sistem perundangan di England pada 1533 mengutuk amalan buggery dan pelakunya boleh dihukum gantung.

Sehingga tahun 2021, Belanda merupakan negara pertama yang membenarkan perkahwinan sejenis pada tahun 2001, diikuti oleh Sweden, Argentina, Belgium, Kanada, Iceland, Norway, Afrika Selatan, Sepanyol, Portugal, Denmark, Uruguay, Brazil, Perancis, New Zealand, Mexico, Taiwan dan Israel bersama-sama dengan 25 buah negeri di Amerika Syarikat (Zainul Rijal Abu Bakar, 2021). Namun terdapat beberapa negara yang mengenakan hukuman mati kepada kesalahan homoseksual seperti Arab Saudi, Sudan, Iran, Nigeria, Mauritania Yaman serta negara tersebut mengenakan hukuman juvana kepada pesalah bawah umur sekiranya mereka melakukan kesalahan homoseksual (Javaid & Elani, 2013).

### **3.0 LGBT DI MALAYSIA**

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang berpegang kepada ajaran Islam sebagai agama persekutuan sebagaimana yang dijelaskan terdapat dalam Perkara 3. Peruntukan Islam turut disentuh dalam Perkara 121 (1A) iaitu melalui peruntukan ini menjelaskan bahawa Mahkamah Tinggi Sivil tidak boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Ini kerana sebelum pindaan itu dibuat terdapat beberapa kes (seperti wakaf, penjagaan anak, mungkir janji untuk berkahwin dan lain-lain) di mana Mahkamah Sivil telah membuat keputusan mengenai perkara yang termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan adakalanya telah mengubah keputusan yang telah dibuat di Mahkamah Syariah termasuklah isu yang melibatkan LGBT (Nazri Muslim, Ahmad Hidayat Buang, 2012).

Pada peringkat awal, isu dan berita mengenai LGBT di Malaysia tidak diberikan perhatian oleh media di Malaysia, namun secara perlahan-lahan akhbar di Malaysia memberikan peluang untuk isu LGBT ditulis dan diterbitkan untuk bacaan dan paparan umum. Berita-berita LGBT tidak digambarkan secara negatif dan juga tidak digambarkan secara positif, namun dapat dirumuskan bahawa berita-berita yang ditulis lebih kepada memberikan amaran, pengajaran dan menyatakan pendirian kerajaan, golongan pakar, akademik, NGO terhadap isu golongan ini serta kesan negative LGBT terhadap institusi agama dan pendidikan (Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, 2019), contohnya isu seorang pengetua pusat tahfiz yang ditangkap diatas kesalahan melakukan jenayah seksual kepada sembilan orang pelajar pusat tahfiz di bawah kendaliannya serta seorang warden asrama dijatuhi hukuman penjara 133 tahun dan 42 sebatan di Mahkamah Sesyen atas kesalahan liwat dan jenayah seksual terhadap pelajar tahfiz (Roshila Murni Rosli, 2019)

JAKIM melaporkan terdapat lebih kurang 310,000 rakyat Malaysia yang homoseksual pada tahun 2018 (Malaymail, 2021). Jumlah tersebut mungkin semakin bertambah apabila LGBT di Malaysia dilaporkan semakin mendapat tempat dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Perbuatan seks luar tabi'e dan songsang merupakan antara isu kritikal yang semakin berleluasa dalam kalangan pelajar universiti. Malah terdapat juga penganjuran program-program yang berunsurkan LGBT yang cuba dirancang di universiti-universiti di Malaysia

yang dipercayai di Universiti swasta (Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, 2019).

Kajian yang dilakukan oleh Jaringan Melayu Malaysia (JMM) di Malaysia, mendapati sebanyak 21 laporan polis telah dibuat sepanjang tahun 2011 berkenaan pembabitian pelajar sekolah rendah dan menengah dalam kegiatan seks luar tabii yang lebih dikenali sebagai seks sejenis. Malah ketika tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) pada tahun 2020 menunjukkan Malaysia merupakan antara negara yang paling banyak mengakses laman web pornografi (Malaysiapost, 2021). Berdasarkan maklumat profil masyarakat Malaysia berdaftar di laman-laman sosial LGBT, penglibatan masyarakat berbangsa Melayu mencatatkan peratusan yang kedua tertinggi (19%) selepas masyarakat Cina (70%). Berdasarkan takrifan perlembagaan bahawa Melayu itu beragama Islam, jumlah tersebut sangat merungsingkan kerana LGBT jelas dilarang oleh agama Islam dan norma kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia. Kajian juga mendapati bahawa peningkatan peratusan Melayu adalah disebabkan oleh peratusan tinggi yang dicatatkan di laman [www.onelovenet.com](http://www.onelovenet.com). Peratusan profil masyarakat Melayu dalam laman sosial ini mencatatkan peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak 50.3% jika dibandingkan dengan masyarakat berbangsa lain. Sebaliknya, profil Melayu yang mendaftar di laman sosial lain seperti [www.fridea.com](http://www.fridea.com) hanya 5% sahaja dan [www.axcest.com](http://www.axcest.com) pula hanya sebanyak 3.7% (Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, 2019).

Kesan LGBT ini bukan sahaja menjejaskan imej agama, negara, kehidupan sosial malah memberi kesan kepada kesihatan dan nyawa. Sepanjang 2018, sebanyak 3,293 kes HIV baharu dilaporkan di negara ini. Lebih membimbangkan ramai berumur 20 dan 40 tahun dilaporkan dijangkiti HIV dengan kematian kumulatif seramai 43,843 orang antara tempoh 1992 hingga (Berita Harian, 2018.)

Sepanjang tahun 2012-2014 dilaporkan 92,768 pasangan bercerai berpunca dari LGBT. Perceraian menjadi pilihan pasangan apabila mengetahui pasangannya seorang lesbian, gay, biseksual dan transgender. (Asyraf, 2016).

Malaysia masih belum mempunyai peruntukan perundangan yang khusus untuk LGBT. Namun kesalahan jenayah seksual seperti perlakuan seksual di luar tabii merupakan satu kesalahan berdasarkan sistem perundangan di Malaysia. Sistem perundangan di Malaysia meletakkan perundangan Islam yang terdapat di setiap negeri di Malaysia terpakai kepada semua orang yang beragama Islam. Ini jelas menunjukkan perbuatan LGBT ini merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri yang mana peruntukan kesalahannya merangkumi kesalahan seperti liwat, lelaki beraksi seperti perempuan, perempuan beraksi seperti lelaki, musahaqah, perhubungan jenis luar tabii, pondan dan hubungan jenis sesama jantina. Maka kesemua kesalahan tersebut terkandung sebagai peruntukan kesalahan yang terdapat dalam setiap akta, enakmen dan ordinan negeri-negeri di seluruh Malaysia (Mohamad Afandi Md Ismail, Sehingga kini, Malaysia bertegas tidak menerima amalan seks songsang dalam kalangan rakyatnya khususnya melibatkan unsur Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) walaupun dikecam oleh negara barat di atas nama hak asasi manusia kerana Malaysia masih berpegang teguh kepada nilai-nilai moral berlandaskan adat, budaya dan agama (Firdaus Azil, 2020)

#### **4.0 MODEL PEMULIHAN HOLISTIK**

Pemulihan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial bagi memulihkan individu yang menghadapi masalah tingkah laku negatif (Barton 1999). Pemulihan berasal daripada

perkataan pulih yang bermaksud kembali kepada asal. Manakala pemulihan bermaksud usaha untuk memulihkan seseorang kepada asal (Noresah, 2005). Pemulihan dalam Islam ialah memulihkan seseorang pesalah jenayah daripada kesalahan yang dilakukan menerusi pembersihan dosa. Dalam konteks hukuman takzir, konsep pemulihan di dalam bahasa Arab adalah pulih dan pemulihan ini hampir sama maksudnya dengan kata ( **صَلَح** ) salaha dan ada yang berkata ( **صَلَح** ) saluha. Ar Razi ada memberi takrif bahawa as-Solah lawan al-Fasad (Muhammad, 1937). Istilah islah digunakan untuk merujuk kepada pemulihan ini. Selain itu juga pemulihan boleh dinamakan sebagai ta'dib. Dari segi bahasa tadib merupakan kata nama terbitan yang diambil daripada perkataan aduba ( **أَدَب** ) dan adabu ( **أَدَب** ) yang membawa kepada dua makna. Makna pertama adalah melatih diri dalam perkara kebaikan dan makna yang kedua adalah membalas kejahatan. Menurut Ibn al-Manzur di dalam kamus Lisan al-Arab telah mentakrifkan *adabu* merupakan melatih diri di kalangan sesama manusia. Ia dinamakan sedemikian adalah kerana melatih manusia ke arah perkara yang terpuji dan mencegah daripada perkara yang keji (Muhammad bin Mukran, t.th). Pemulihan berasal dari perkataan arab *islah* mendamaikan atau memperbetulkan (Abd al-Baqi t.th). Menurut Dusuki (2012) pemulihan adalah perbuatan memulihkan, pengembalian kepada keadaan yang semula, pemulangan atau pengembalian. Pemulihan juga boleh dikategorikan sebagai proses perkembangan dan pembaikan sesuatu benda atau perkara yang berlaku secara berterusan, ini merangkumi kepada semua aspek yang baik samada dalaman ataupun luaran. Selain itu, pemulihan bermaksud mendamaikan, menghilangkan sengketa, memperbaiki dan sebagainya. Pemulihan juga diterjemahkan sebagai gerakan pembaharuan atau tajdid (Dusuki, 2012). Pemulihan mencakupi aspek-aspek kehidupan peribadi, keluarga, masyarakat dan negara. Setiap umat Islam dipertanggungjawabkan melaksanakan tugas pemulihan menurut bidang dan kemampuan masing-masing. Semua kerja pemulihan adalah baik dan berkebaikan melainkan pada perkara yang menghalalkan perkara yang dilarang oleh syarak dan mengharamkan perkara yang diharamkan oleh-Nya (Dusuki, 2012).

Kamus dewan edisi keempat mendefinisikan holistik adalah bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yg menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja: model ini bertujuan memberikan pandangan secara menyeluruh dan ~ bagi memahami konteks operasi sesuatu organisasi. Holistik adalah salah satu ciri falsafah yang dimaksudkan kelengkapan dan kesempurnaan. Istilah ini sangat penting dalam pemulihan dan pendidikan kerana berkaitan dengan aspek intelektual, emosi, rohani, dan fizikal. (Adi Sudrajat & Atika Zuhrotus Sufiyana, 2020).

Menurut Amie Primarni (2014), Holistik dalam perspektif Islam adalah mendasari dan merujuk kepada Allah SWT sebagai yang utama. Manusia dalam perspektif Islam dikurniakan empat unsur utama iaitu spiritual, intelektual, emosi dan fizikal-sensori. Paradigma holistik ini membawa dua aspek iaitu *habluminnallah* dan *habluminannas* yang mana saling mempengaruhi antara satu sama lain. Terdapat tiga sumber yang berperanan dalam pembentukan perwatakan seorang individu Pertama dan utama adalah Allah SWT yang memberikan potensi positif dan negatif dalam diri manusia melalui potensi fitrahnya. Kedua, adalah ibu bapa sebagai pola asuh. Dan ketiga, adalah pengaruh masyarakat yang beramal soleh.

Hare dalam Ranjani Balaji Iyer (2015) menjelaskan, bahawa pemulihan holistik adalah konsep pemulihan yang memperluas dan memperdalam proses tersebut. Hal ini tidak hanya membantu dalam mempromosikan sikap positif terhadap proses pemulihan, tetapi juga mengembangkan keterampilan sosial yang diperlukan untuk menghadapi dunia moden.

Selain itu, pemulihan holistik juga harus mempertimbangkan tentang perubahan dan tantangan sosial budaya.

Apabila menelaah matlamat pemulihan dalam kehidupan, yang menjadi objek adalah manusia itu sendiri iaitu perilaku dan tingkah laku manusia. Matlamat pemulihan selaras dengan matlamat hidup manusia dalam membina tamadun bangsanya. Berdasarkan analisis falsafah menunjukkan bahawa al-Ghazali menggariskan pemulihan holistik hendaklah mencari keutamaan jiwa dan kebahagiaan dunia dan akhirat (al-Ghazali, 1980; 22-23, 1964; 180). Keutamaan jiwa adalah matlamat kehidupan dalam aspek rohani dan jasmani sedangkan kebahagiaan dunia dan akhirat adalah matlamat kehidupan secara holistik.

Selain itu, pemulihan holistik ini boleh dicapai dalam pembentukan akhlak iaitu pembersihan jiwa dari kekotoran jiwa (al-Ghazali, 1967; 12). Prinsipnya bahawa matlamat pemulihan secara holistik adalah membersihkan jiwa dari segala yang dapat mengotori jiwa samada mengerjakan perbuatan yang baik dan menjauhi perbuatan yang buruk. Ibn Miskawayh merupakan seorang pengarang yang telah mempersembahkan kitab terawal dalam falsafah akhlak dalam bentuk yang sistematik (Dwight, 1953; ix). Bahkan beliau memberikan pujian kepada Miskawayh sebagaimana yang tertulis: "This is the most important book on philosophical ethics in Muslim literature" (Dwight, 1953; 122). Analisis interpretasi menunjukkan bahawa Miskawayh telah menggariskan metod-metod yang konsisten dalam merealisasikan matlamat pendidikan terhadap pemulihan. Bukan sahaja merumuskan teori dan praktikal tetapi telah meletakkan kedua-dua unsur tersebut sebagai suatu cabang disiplin ilmu.

Pendedahan pemikiran dalam pendidikan terhadap pemulihan oleh Ibn Miskawayh bermula dengan perbincangan manusia dan jiwanya. Kerana menurut Miskawayh jalan untuk mencapai kesempurnaan ialah dengan mengenal jiwa. Miskawayh menyebutkan bahawa jiwa mempunyai tiga kuasa iaitu kuasa berfikir (al-quwwah al-natiqah) yang berpusat pada organ tubuh yang disebut otak. Kuasa nafsu syahwat (al-quwwah al-syahwiyyah) disebut sebagai kuasa binatang dan organ tubuh yang digunakannya disebut hati. Kuasa amarah (al-quwwah al-ghadhiyyah) yang disebut kuasa binatang buas dan organ tubuh yang digunakannya disebut jantung (Miskawayh, 1961;19, Zurayk, 1968;15, & Ansari, 1964;87). Analisis berdasarkan senarai semak bahawa ketiga-tiga kuasa tersebut berkait rapat terhadap pemulihan holistik iaitu mencakup aspek intelek, emosi, jasmani dan rohani. Pemulihan holistik dan bersepadu menyedari kesepaduan aqal, jasad dan roh (intelek, Jasmani dan rohani). Justeru keseimbangan dan keharmonian Intelek, Rohani, Emosi dan Jasmani perlu dipupuk dan diberi perhatian sepanjang proses pemulihan tersebut.

## **5.0 FASA ANALISIS KEPERLUAN**

Dalam pendekatan kaedah DDR, fasa pertama adalah fasa analisis keperluan. Fasa ini antara fasa yang penting memandangkan fasa ini pengkaji akan dapat mengenal pasti setiap persoalan kajian yang dijalankan dalam kajian yang digunakan dalam membentuk model yang akan dibangunkan (Ridhuan, Saedah, Zaharah, Nurulrabihah dan Ahmad Arifin, 2014). Dalam fasa ini, pengkaji mereka bentuk analisis keperluan yang diperlukan sepanjang proses kajian berdasarkan temubual dan pembacaan daripada literatur. Oleh yang demikian, fasa ini merupakan fasa penting bagi pengkaji untuk mengenal pasti keperluan untuk membina model pemulihan holistik terhadap Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) di Malaysia.

Menurut McKillip (1987), fasa analisis melibatkan fasa mengenal pasti dan menilai keperluan perkara yang ingin dikaji yang akan menentukan keputusan yang ingin dicapai. Proses mengenal pasti dan menganalisis keperluan dikenali juga dengan proses mengenal pasti masalah yang wujud dalam kalangan populasi yang dipilih. Proses ini juga melibatkan proses mengenal pasti cara penyelesaian yang terbaik yang boleh diambil oleh pengkaji (Witkin dan Altschuld, 1995). Fasa ini juga lebih memfokuskan kepada apa yang sepatutnya dilakukan berbanding dengan apa yang telah dilakukan (Riviere, 1996). Dalam fasa ini pengkaji menggunakan kaedah temu bual. Temu bual adalah alat yang digunakan secara meluas untuk mendapatkan pandangan secara mendalam dalam persepsi dalaman, sikap dan kelakuan serta perasaan sebenar mereka (Cohen, Manion dan Morrison, 2007). Temu bual dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu temu bual secara berstruktur, temu bual secara semi-struktur dan temu bual tidak berstruktur (Meriam, 2009).

Temubual secara tidak berstruktur iaitu secara soalan terbuka (*open-ended Question*) kepada 5 orang responden yang dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi mendapatkan pandangan mereka tentang keperluan kepada pembinaan model pemulihan holistik dalam skop komuniti LGBT. Responden yang terlibat dalam analisis keperluan terbahagi kepada dua iaitu komuniti LGBT berhijrah dan juga pakar. Seramai 3 orang komuniti LGBT berhijrah dan 2 orang pakar telah yang terlibat. Soalan berbentuk terbuka (*open-ended*) dibina membolehkan pengkaji mencungkil pelbagai maklumat daripada sampel. Selain itu, penggunaan *open-ended Question* memudahkan pengkaji untuk memperoleh dan menganalisis maklumat yang diperolehi (Richie dan Klien, 2007). Menurut Merriam (2009) penggunaan soalan terbuka dan tertutup adalah lebih fleksibel, lebih bersifat eksplorasi dan ia sesuai jika pengkaji tidak mengetahui isu atau fenomena yang sebenar dan ingin diteroka.

Di samping itu penggunaan soalan terbuka dapat membantu memberi penambahan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji (Van Den Akker, 1999). Item-item yang dibina dalam bentuk soalan terbuka (*open-ended*) bertujuan untuk mencungkil dan merangsang seseorang memberi respon secara aktif berdasarkan pengalaman-pengalaman mereka dalam sesuatu isu. Setelah soalan terbuka diedarkan kepada responden (komuniti LGBT berhijrah & pakar) yang dipilih, maklumat yang diperolehi akan di transkrip kan melalui pengekodan transkripsi berikut:

**Jadual 1.0: Pengkodan Transkripsi Temu bual Komuniti LGBT dan Pakar**

<b>Responden</b>	<b>Kod</b>
Komuniti LGBT 1	K1
Komuniti LGBT 2	K2
Komuniti LGBT 3	K3
Pakar 1	PK1
Pakar 2	PK2

Jadual 1.0 menunjukkan matriks pengekodan temu bual ditetapkan sebelum dianalisis menggunakan kaedah analisis secara induktif (Creswell, 2003) dan seterusnya mengenal pasti tema interaksi responden terhadap setiap jawapan yang diberikan oleh responden. Objektif utama fasa ini adalah untuk melihat keperluan kepada pembinaan model pemulihan holistik dalam kalangan komuniti LGBT dan melihat sejauh manakah keperluan pembinaan model pemulihan holistik berdasarkan kepada pandangan pakar. Fasa ini dijalankan berdasarkan kaedah temu bual terhadap 5 orang pakar dengan menggunakan soalan terbuka (*Open-ended Questions*).



Menurut Othman (2007) kajian menggunakan kaedah kualitatif secara dasarnya bukanlah hanya untuk mencari elemen baru seperti dalam kajian sains natural, namun ia bersifat untuk mengukuhkan kesedaran tentang sesuatu isu dengan mengemukakan suatu dialog dan daripada kajian tersebut dapat meningkatkan kefahaman dan amalan. Ia juga boleh digunakan untuk melihat perspektif dan analisis yang berbeza secara mendalam tentang sesuatu isu yang dibangkitkan (Othman, 2007). Straus dan Corbin (1998) menyatakan bahawa penggunaan kaedah kualitatif boleh digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang sesuatu fenomena yang belum diketahui secara mendalam. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan soalan terbuka yang dijawab pakar untuk mengetahui keperluan kepada pembinaan model berdasarkan kepada fenomena yang wujud mengikut pandangan pakar di samping untuk melihat fenomena secara lebih mendalam.

### 5.1 Demografi informan analisis keperluan

Dalam menjalankan analisis keperluan ini, lima informan yang terdiri daripada pakar dalam dakwah terhadap LGBT dan komuniti LGBT ditemu bual. Berikut merupakan demografi bagi setiap informan kajian.

**Jadual 2.0: Latar Belakang Pengamal LGBT yang Berhijrah dan Pakar Dalam Dakwah Terhadap LGBT dari Aspek Jantina, Tempoh Pengalaman dan Bidang Pekerjaan**

Responden	Jantina	Pengalaman	Bidang Pekerjaan
P1	Lelaki	15 tahun	Peguam Hak Asasi Manusia
P2	Lelaki	15 tahun	Sukarelawan MAIS
P3	Lelaki	15 tahun	Bekerja Sendiri
P4	Lelaki	10 tahun	Pegawai Hal ehwal Islam
P5	Lelaki	10 tahun	Pegawai Hal ehwal Islam

Sumber: Temu bual dan analisis dokumen dari maklumat butiran peribadi pengamal LGBT dan pakar.

## 6.0 PERBINCANGAN

Jadual berikut merupakan persoalan kajian yang perlu dijawab dalam memenuhi analisis keperluan bagi kajian ini.

**Jadual 3.0: Objektif dan Persoalan Kajian Bagi Fasa Analisis Keperluan**

Objektif Kajian 1	Persoalan Kajian 1
Mengenal pasti keperluan model pemulihan holistik terhadap LGBT di Malaysia berdasarkan pandangan pakar dan pengamal LGBT berhijrah	Apakah faktor yang mendorong kepada gejala LGBT? Apakah kaedah dan usaha pemulihan yang sesuai bagi mencapai pemulihan yang holistik dan komprehensif terhadap komuniti LGBT? Adakah terdapat keperluan model pemulihan holistik terhadap LGBT berdasarkan pandangan komuniti LGBT dan pakar?

### **RI Adakah terdapat keperluan kepada pemulihan yang holistik dan komprehensif terhadap komuniti LGBT?**

Berdasarkan sorotan kajian literatur memang tidak dinafikan bahawa fenomena LGBT semakin hari semakin meluas dalam kalangan masyarakat sehingga memberi kesan terhadap agama, institusi keluarga dan sebagainya. Rentetan itu, tindakan awal perlu diambil bagi membendung penularan tersebut dan merangka pelan pemulihan yang holistik dan komprehensif terhadap individu yang terlibat dalam gejala songsang kepada kehidupan yang normal. Pengkaji mendapati bahawa terdapat kesepakatan pakar dalam isu ini. Ini berdasarkan kenyataan responden:

*“Itulah saya dah sebut tadi maksudnya kita kena ada kekuatan dari segi bagaimana kita nak mempengaruhi kita punya stake government dan juga non government supaya nak melihat kepada LGBT ni sebagai sebahagian daripada rakyat dan sebahagian daripada orang yang perlu kepada perhatian dan pemulihan, selain daripada kita nak melihat kepada stigma-stigma yang macam diorang ni nak menuntuk hak tu la. Maksudnya kita kena ada dua pendekatan, satu pendekatan terhadap golongan yang menuntuk hak dan pendekatan terhadap golongan yang memerlukan kepada pemulihan dan perhatian tu. Dua tu kita kena atasi dengan kaedah yang berbeza. Kalau yang menuntuk hak tu kita ada kaedah kita nak menanganinya diorang ni nak macam mana nak menanganinya diorang ni yang menuntut hak tu la. tapi yang tidak cross border golongan ni kita nak kena tangani jugak iaitu cadangan saya lah. Bagaimana untuk kita nak menanganinya dua kelompok ni kelompok menuntut hak dan kelompok LGBT real yang memerlukan pemulihan dan perhatian” (P1)*

*“Gejala LGBT bukanlah isu yang baru kita dengar, setiap hari peningkatan nya semakin serius yang boleh memberi kesan yang mendalam terhadap agama, individu serta masyarakat. Ia perlu ditangani serta disantuni supaya mereka yang terjebak ini kembali ke pangkal jalan dan meneruskan kehidupan seperti manusia yang normal” (P2).*

*“Isu LGBT ini semakin berleluasa yang mana mereka telah meresap masuk bukan sahaja dalam kalangan remaja malah dalam kalangan kumpulan-kumpulan professional” (P3).*

*“Pada pandangan saya, permasalahan LGBT talah lama wujud iaitu pada zaman Nabi Luth A.S lagi dan sehingga kini kelakuan songsang ini masih dipraktikkan dalam kalangan mereka meskipun ia haram di sisi agama Islam” (P4).*

*“Kewujudan kumpulan minoriti ini berpunca daripada faktor keluarga, pengaruh rakan sebaya, kurangnya pendidikan agama dalam diri dan kesan daripada pengalaman gangguan seksual sebelum ini” (P5).*

**RQ 2: Apakah kaedah dan usaha pemulihan yang sesuai bagi mencapai pemulihan yang holistik dan komprehensif terhadap komuniti LGBT?**

Berdasarkan sorotan kajian literatur memang tidak dinafikan bahawa fenomena LGBT semakin hari semakin meluas dalam kalangan masyarakat sehingga memberi kesan terhadap agama, institusi keluarga dan sebagainya. Rentetan itu, tindakan awal perlu diambil bagi membendung penularan tersebut dan merangka pelan pemulihan yang holistik dan komprehensif terhadap individu yang terlibat dalam gejala songsang kepada kehidupan yang normal. Pengkaji mendapati bahawa terdapat kesepakatan pakar dalam isu ini. Ini berdasarkan kenyataan responden:

*“Pihak Kerajaan tidak perlu terperangkap dengan stigma negatif terhadap LGBT. Terdapat beberapa kategori berkaitan LGBT yang perlu diberikan perhatian dan kaedah yang berbeza dalam menanganinya. Pertamanya adalah kumpulan LGBT tegar yang menuntut hak menjadi LGBT, dan mengiktiraf LGBT termasuk segala amalan LGBT. Yang kedua adalah golongan LGBT yang terperangkap dengan psikologi mereka sebagai LGBT tetapi masih boleh kembali melalui proses pemulihan. Golongan ini memerlukan sistem sokongan yang kuat dari masyarakat dan pihak Kerajaan. Oleh itu, polisi Kerajaan yang jelas terhadap golongan LGBT dan "istilah" LGBT diperlukan agar segala perancangan terhadap golongan ini mudah dan lancar, dan boleh disambut dan dibantu pelaksanaannya oleh agensi kerajaan pusat, kerajaan negeri, juga NGO” (P1)*

*“Elemen pendidikan dan pencegahan awal, bimbingan dan penguatkuasaan melalui kerjasama inter agensi dan pakar perlu berjalan seiring agar isu LGBT dapat ditangani secara holistik” (P2)*

*“Khidmat kaunseling juga penting dalam pemulihan komuniti supaya masalah yang dihadapi dapat dikongsi. Tanggungjawab membimbing golongan LGBT bukan tanggungjawab kerajaan sahaja tetapi tanggungjawab kita bersama” (P3)*

*“Ngo perlu menyediakan rawatan, bantu dari segi dana kepada komuniti yg hadapi penyakit berjangkit seperti HIV, Mental, Penggunaan Dadah dan lebih di utamakan tentang tanggungjawab kita taat kpd Allah dan mengikut Sunnah Rasulullah agar hati komuniti lembut dalam mendalami ilmu agama” (P4)*

*“Bagi mengekang gejala LGBT dari terus berleluasa, ibu bapa atau penjaga merupakan individu yang perlu dilibatkan secara langsung kerana ianya merupakan langkah pertama pendidikan moral generasi akan datang” (P5)*

Berdasarkan hasil temubual yang telah dilaksanakan. Kesemua informan bersetuju model pemulihan holistik terhadap komuniti LGBT mestilah dibangunkan. Setiap pihak mesrilah cakna dan lebih serius dalam menangani isu berkaitan LGBT yang semakin menular pengaruhnya dalam masyarakat. Kesepakatan pakar dalam fasa ini membolehkan kajian

terhadap pembangunan model pemulihan holistik ini dilaksanakan pada fasa seterusnya iaitu fasa rekabentuk dan pembangunan model.

## 7.0 PENUTUP

Bagi umat Islam, isu lesbian, gay, biseksual, transgender (LGBT) adalah isu akidah yang sangat serius. Status jantina dan orientasi seksual mengelirukan golongan mengamalkan LGBT itu akan menyebabkan berlakunya kerosakan yang sangat besar terhadap hukum-hakam dalam perkahwinan, faraid dan keturunan manusia. Bagaimanapun, Islam menzahirkan pendekatan cukup indah dan terbaik iaitu masalah LGBT yang melanda seluruh dunia ketika ini perlu dibendung dengan bijaksana. Bukannya bersifat menghukum, tetapi ingin mendekati mereka dengan memberi keadilan serta mengajak semula kepada kehidupan diredai Allah SWT. Dakwah terhadap komuniti LGBT ini jelasnya mestilah dilaksanakan secara serius di samping mempunyai pelan Tindakan yang sistematik dan dilaksanakan secara holistik. Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara mencadangkan keperluan mewujudkan pusat tahanan dan pemulihan khas LGBT bagi merawat dan membimbing golongan itu ke arah kebaikan, kerohanian dan kesejahteraan rakyat. Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara turut mengesyorkan pendidikan mengenai LGBT dimulakan sejak di peringkat sekolah. Ini supaya pelajar terdedah kepada gejala gaya hidup sedemikian yang menjurus kepada perbuatan seks bebas, kerosakan institusi kekeluargaan serta masyarakat dan penyumbang kepada penularan jangkitan HIV. Sehingga kini terdapat sebanyak 12 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Komuniti Hijrah dalam kalangan bekas peserta yang pernah mengikuti program Mukhayyam dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Justeru, program-program pemulihan terhadap komuniti ini mestilah diperkasakan berdasarkan model pemulihan holistik.

## 8.0 PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan yang dijalankan di bawah dana FRGS/1/2019/SS06/KUIS/03/2, FRGS 2019-1

## RUJUKAN

- ‘Abd Allah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, 1967. *al-Jami` li-ahkam al-Qur'an*, Kaherah : Dar al-Kitab al-`Arabi.
- American Psychiatric Association, 2021. Akses pada 30 Ogos 2021. : <https://www.psychiatry.org/psychiatrists/cultural-competency/education/best-practice-highlights/working-with-lgbtq-patients>.
- Asraf Wajdi Dusuki. “LGBT antara punca lebih 90,000 pasangan bercerai,”. Malay Mail Online. 4 Mac 2016
- Astro Awani (11 Mac 2019). Akses pada 25 Ogos 2021, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/gunakan-himpunan-hari-wanita-untuk-pertahan-lgbtsalah-guna-ruang-demokrasi-mujahid-200689>.
- Azmi, Kamal Abd. Rahman, Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial Yang Mempromosikan Agenda LGBT dalam Isu-Isu Semasa Media dan Dakwah (Kuala Lumpur: Universiti Malaya: 2005)

- Barton, Richard. "Psychosocial rehabilitation services in community support systems: A review of outcomes and policy recommendations." *Psychiatric Services* 50, no. 4 (1999)
- Berita Harian. (4 Dec 2019). Akses pada 30 Ogos 2021, <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/12/638560/kes-hiv-meningkat-akibat-seks-sesama-jenis..>
- binti Zakariya, Khairani, and Abd Hamid. "Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Firdaus Azil. Jun 18, 2019. LGBT: Tak perlu paksa Malaysia terima ideologi songsang - Tun Mahathir' <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lgbt-tak-perlu-paksa-malaysia-terima-ideologi-songsang-tun-mahathir-210321>)
- Haridi, Noor Hafizah Bt Mohd. "Kumpulan lesbian, gay, biseksual dan transgander (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan dan Keharmonian Beragama di Malaysia." *Islam Realitas: Journal of Islamic and Social Studies* 2, no. 2 (2016)  
<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/69741/program-mukhayyam-pulih-golongan-lgbt>  
<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/69741/program-mukhayyam-pulih-golongan-lgbt>
- Imam al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah, Malaysia." *ATIKAN* 2, no. 1
- Ismail, Mohamad Afandi Md, Muhamad Hasif Yahaya, Ikmal Hafiz Jamal, and Muhammad Najib Abdul Wakil. "Isu LGBT Di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian: LGBT Issues In Malaysia: A Review Of Research Aspects." *INSLA E-Proceedings* 3, no. 1 (2020)
- Ismail, Mohamad Afandi Md, Muhamad Hasif Yahaya, Ikmal Hafiz Jamal, and Muhammad Najib Abdul Wakil. "Isu LGBT Di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian: LGBT Issues In Malaysia: A Review Of Research Aspects." *INSLA E-Proceedings* 3, no. 1 (2020)
- Javid Rehman, Eleni Polymenopoulus. (2013). "*Is Green A Part Of The Rainbow? Sharia, Homosexuality, And LGBT Right In The Muslim World*", *Fordham International LawJournal*. Vol, 37 Issue 1. 1-52
- Jodi, Khairul Hamimah Muhammad, and Noor Hafizah Mohd Haridi. "Cabaran dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT: Satu Kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah." In *International Seminar on Human Development (Is-Hud'18)*, vol. 22. 2018.
- Jonathan Ned Katz, 1992, *Gay American History: Lesbians and Gay Men in the U.S.A.*, United States: Plume.
- Kamil, bin Hj Abd.Majid, Cabaran Umat Dewasa Ini: Suatu Penyelesaian Menurut Islam. (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, 1988)
- Kosciw, Joseph G., et al., "The Effect of Negative School Climate on Academic Outcomes for LGBT Youth and The Role of In-School Supports", *Journal of School Violence*, 12.1, 2013.
- Laman rasmi Pusat Rujukan Persuratan Melayu  
<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Transeksual>, diakses 10 Desember 2018).
- Laman rasmi Pusat Rujukan Persuratan Melayu  
<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Transeksual>, diakses 10 Desember 2018).
- Mahfudzah Mohamad, "Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgander: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah", *Jurnal Undang-Undang Malaysia* no 19 (2015), 29-36
- Malaymail, 2021 (30 Oktober 2018). Akses pada 30 Ogos 2021, <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/10/30/malaysias-310000-homosexuals-just-an-early-estimate-jakim-officer-says/1688044>.

- Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, 2019. Gejala LGBT Di Malaysia: Isu Dan Cadangan Penyelesaian, *Journal of Law & Governance*. Volume 2.No. 1. 51-65
- Mohamad Yusof Helmy Ramli, Rani Ann Balaraman, Mohamad Saifudin Mohamad Saleh, 2017, *Forum Komunikasi*, Vol. 2, No. 2, 59-74
- Nazri Muslim , Ahmad Hidayat Buang. 2012. Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan Dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan Bil.20*, 115-129.
- Noor Hafizah Haridi, et.al, "Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT)", *Jurnal Pengajian Islam*, Bil 9, Isu II, (2016), 103-118
- Noresah, Baharom, and A. Ibrahim. "Kamus Dewan Edisi Keempat." Dewan Bahasa dan Pustaka (2005).
- Noresah, Baharom, and A. Ibrahim. "Kamus Dewan Edisi Keempat." Dewan Bahasa dan Pustaka (2005).
- Oswald, Hans, and K-U. Süß. "The influence of parents and peers on misconduct at school: Simultaneous and synergistic effects." (1994).
- Philip C. Kendall & Constance L. Hammen. 1997. *Abnormal Psychology: Understanding Human Problems*, United States: Houghton Mifflin.
- Radez, John Peter. *Ibn Miskawayh, the Soul, and the Pursuit of Happiness: The Truly Happy Sage*. Lexington Books, 2019.
- Renn, Kristen A., "LGBT and Queer Research In Higher Education: The State and Status of The Field", *Educational Researcher*, 39.2, 2010.
- Roshila Murni Rosli. 29 Mei 2019. Liwat pelajar tahfiz, warden dipenjarakan 133 tahun. <https://www.sinarharian.com.my/article/30520/KHAS/Isu/Liwat-pelajar-tahfiz-warden-dipenjarakan-133-tahun>
- Ryan, Caitlin, et al., "Family Acceptance in Adolescence and The Health of LGBT Young Adults", *Journal of Child and Adolescent Psychiatric Nursing*, 23.4, 2010.
- Sudrajat, Adi, and Atika Zuhrotus Sufiyana. "Filsafat Pendidikan Islam Dalam Konsep Pembelajaran Holistik Pendidikan Agama Islam." *Andragogi: Jurnal Ilmiah Pendidikan Agama Islam* 2, no. 2 (2020)
- Swanson, Richard A., and Sandra K. Falkman. "Training delivery problems and solutions: Identification of novice trainer problems and expert trainer solutions." *Human Resource Development Quarterly* 8, no. 4 (1997)
- Veritasia, Mytha Eliva, "Pengungkapan Informasi Privat tentang Identitas Seksual Seorang Gay kepada Orang Lain", *Commonline Departemen Komunikasi*, 4.2, 2015.
- Zainul Rijal Abu Bakar, 2021 Kedudukan LGBT di Malaysia. Akses di <https://www.sinarharian.com.my/article/127256/KOLUMNIS/Kedudukan-LGBT-di-Malaysia>, 30 Ogos 2021
- Zakaria, Stapa, *Masyarakat Islam dan Isu Semasa*, (Kuala Lumpur: YADIM, 1994).
- Zakaria, Stapa, *Masyarakat Islam dan Isu Semasa*, (Kuala Lumpur: YADIM, 1994).